

# **PENANGANAN KONFLIK DI SAMBAS, KALIMANTAN BARAT, INDONESIA**

*(Conflict Management in Sambas, West Kalimantan,  
Indonesia)*

*H.M. Fadhil Nurdin*

## **Abstract**

This paper is part of a field research on the conflict management in Sambas, Kalimantan, Indonesia. Managing a conflict requires the comprehensive understanding, dynamic programs, clear job description from the governmental institutions, and synergic cooperation between the central and regent government that involved local society's cooperation. This paper deploys the socio-political model of conflict management which anticipates and, thus, affords to prevent the conflict in the regency.

## **Pengenalan**

Konflik dapat dilihat sebagai sebuah konsep dan teori yang dapat digunakan sebagai landasan untuk membahaskan masalah konflik yang wujud dalam kehidupan masyarakat. Memahami fenomena konflik, Montagu dan Matson menyatakan:

This contemporary, vague-which has been variously labeled “terrorist chick”, is cruelty cult, and just plain “Punk” is not limited to the movie built runs like a crimson thread throughout the realm of popular culture all the way.<sup>1</sup>

Konflik mahupun kekerasan bersifat konkret dan abstrak di mana konflik konkret mempunyai kecenderungan untuk diusahakan alternatif penyelesaian yang tepat. Manakala konflik abstrak relatif lebih sukar untuk diusahakan penyelesaiannya. Konflik dapat diklasifikasikan berdasarkan kesan dalam organisasi iaitu fungsional dan *disfungsional*, posisi para pelaku iaitu secara menegak dan mendatar, sifat para pelaku sama ada tertutup atau terbuka, jangka masa *konflik* iaitu sebentar dan berpanjangan serta rancangan sasaran iaitu secara bersistematis dan tidak bersistematis. Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang turut mempengaruhi konflik seperti faktor latar belakang agama, ideologi, politik, ekonomi, sosiobudaya dan kedudukan geografi. Konflik ada ketikanya akan membuatkan masyarakat mempelajari pelbagai hal bagi menghasilkan situasi dan tahap yang lebih baik pada masa akan datang.

## Menangani Konflik: Model Sosial Politik

Dalam menangani konflik, Profesor Undang-undang Awam, Yash Ghai, University of Hong Kong berpendapat bahawa adanya syarat utama yang harus dipenuhi oleh setiap masyarakat yang bertikai iaitu kepimpinan yang berwawasan untuk maju ke hadapan dan keinginan yang kuat bagi setiap ahli masyarakat untuk menyelesaikan konflik yang terjadi.<sup>2</sup> Keinginan masyarakat untuk menyelesaikan konflik dapat dilihat dari pelbagai indikator modal insan (sosial capital) iaitu kesediaan untuk saling memahami, bantu-membantu, menghormati hak orang lain, menerima perbezaan yang wujud serta kesediaan untuk menjalankan tanggungjawab sosial. Penanganan konflik dapat juga dilakukan dengan melakukan penekanan ke atas konflik yang berlaku.


*Dalam menangani konflik, terdapat beberapa andaian yang menopang teori integrasi yang juga terdapat dalam teori struktural fungsional Parsons dan lain iaitu setiap masyarakat yang secara relatif adalah tetap dengan struktur unsur-unsurnya adalah stabil; setiap masyarakat tersusun dari unsur-unsur yang terintegrasi secara baik; setiap unsur dalam masyarakat mempunyai fungsi, iaitu memberikan sumbangan terhadap pemeliharaan keutuhannya sebagai sebuah sistem; setiap fungsi struktur sosial didasarkan atas konsensus terhadap nilai-nilai di antara anggota-anggotanya.<sup>3</sup>*

Tugas yang paling penting dalam menangani konflik adalah melakukan diagnosis dan mengatasi konflik. Teknik penyelesaian konflik antara lain adalah penyelesaian masalah (problem solving), tujuan, perluasan sumber daya, penghindaran, pengurangan konflik, kompromi, pemerintah yang otoritet, mengubah struktur variabel, dan mengidentifikasi musuh atau pesaing. Proses penyelesaian masalah meliputi identifikasi dan seleksi masalah; analisis masalah; alternatif penyelesaian; memilih dan merencanakan penyelesaian; implementasi penyelesaian; dan evaluasi terhadap penyelesaian. Menangani suatu konflik perlu menggunakan pelbagai pendekatan yang dikenali dengan beberapa istilah<sup>4</sup> iaitu pencegahan konflik, penyelesaian konflik, pengelolaan konflik, resolusi konflik dan transformasi konflik.

Pencegahan konflik secara umum mengacu pada strategi mengatasi konflik konvensional dengan harapan dapat mencegah meningkatnya kekerasan. Penyelesaian konflik, mengacu pada upaya pengakhiran kekerasan melalui persetujuan perdamaian. Pengelolaan konflik untuk membatasi dan menghindari kekerasan dengan mendorong perubahan perilaku yang positif bagi para pihak yang terlibat. Resolusi konflik pada umumnya menangani akar persoalan dan berusaha membangun hubungan baru lebih permanen di antara para pihak. Pendekatan ini bukan hanya untuk penyelesaian konflik, tetapi juga mencapai resolusi dari berbagai akar persoalan. Manakala, transformasi konflik, sangat popular dan bersifat menyeluruh serta membutuhkan komitmen. Pada umumnya mengatasi sumber-sumber konflik sosial politik yang lebih luas dan mengubah aspek-aspek negatif menjadi aspek-aspek positif.

Untuk menangani konflik dan memudahkan proses analisis masalah, Tim Pengkaji Penguatan Perlembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia (Polhukam, 2005) menyusun model Sosial Politik dalam penanganan konflik seperti dalam carta 1.

**Carta 1: Penanganan Konflik: Model Sosial Politik**



**Sumber:** Laporan Kajian Penguatan Kelembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia (2005).

Dari gambaran di atas, usaha untuk menangani konflik dapat dilakukan melalui beberapa andaian tindakan antaranya, pertama, penciptaan suatu sikap berdikari yang cukup tinggi dari individu dan kelompok dalam masyarakat terutama ketika berhadapan dengan negara. Kedua, perlu wujudnya ruang publik bebas yang berguna sebagai wahana bagi keterlibatan politik secara aktif dari seluruh warga negara melalui wacana dan amalan yang berkepentingan publik, dan ketiga, perlunya usaha untuk membatasi kekuasaan negara agar tidak memiliki sifat campur tangan.<sup>5</sup>

### Dinamika Penanganan Konflik

#### *Penanganan Korban Rusuhan*

Penanganan korban rusuhan akibat konflik merupakan usaha menyelamat, melindungi serta memulihkan korban bencana yang meliputi kegiatan pemberian bantuan darurat, pemulihan, penempatan semula dan mampu berusaha sendiri. Ia bertujuan untuk mengembalikan kesejahteraan bagi seluruh korban dan memastikan mereka memiliki kesempatan yang sama dalam memperoleh bantuan fizikal dan sosio-psikologis; dan membantu pembentukan kembali serta pengembangan struktur masyarakat korban bencana yang dapat digunakan dalam pengurusan program pemberian bantuan yang dapat mengurangkan masalah kebergantungan.

Dalam menangani korban rusuhan antara etnik perlu difahami bahwa pemberian bantuan seharusnya tidak dipertikaikan ketidakadilannya seperti yang dilakukan terhadap penegak undang-undang dalam menyelesaikan konflik

Madura-Melayu. Suku Melayu menganggap tindakan pihak keselamatan dan pihak Jabatan Sosial tidak adil kerana hanya warga Madura yang diberikan bantuan sedangkan warga Melayu yang juga menjadi korban rusuhan tidak diperhatikan. Kegiatan utama yang dilakukan dapat dilihat pada Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Kegiatan Utama Penanganan Korban Rusuhan**

|  |  |
|--|--|
| <b>Penentuan Status Korban Bencana</b> | Apabila terjadi gelombang gerakan massa pada awal darurat yang penting dilakukan adalah bagaimana menunaikan prinsip-prinsip kemanusiaan. Oleh kerana cepatnya campur tangan, maka keutamaan adalah memastikan perlindungan. Dalam keadaan demikian penentuan status sebagai korban bencana dapat dilakukan atas dasar " <i>prima facie</i> " iaitu penentuan secara berkelompok atau secara perseorangan. |
| <b>Layanan dan Bantuan Darurat</b>     | layanan dan bantuan darurat dilakukan dengan memberikan pertolongan, perlindungan dan tempat penempatan sementara, pencarian dan penyatuan kembali anggota keluarga yang terpisah, bantuan makanan, pakaian, ubat-ubatan, air bersih dan peralatan kebersihan yang minimum.  |
| <b>Ketahanan dan Crisis Centre</b>     | Penanganan terhadap korban bencana yang mengalami tekanan sosio-psikologi. "Development Projects" yang lebih banyak menggunakan prinsip-prinsip Pekerjaan Sosial mahupun Crisis Centre melalui "Psychosocial Projects".  |
| <b>Pemulangan Korban Rusuhan</b>       | Dalam keadaan darurat sebahagian besar orang yang ditempatkan dapat diselesaikan melalui pemulangan secara sukarela. Proses pemulangan tersebut harus berdasarkan pada prinsip mereka tidak dipulangkan secara paksa.  |
| <b>Penempatan Semula Korban</b>        | Penempatan semula merupakan alternatif jika korban rusuhan tidak dapat kembali ke tempat asal. Peranan dan tanggung jawab pemerintah daerah dalam pemilihan daerah untuk dijadikan tempat penempatan semula adalah perkara asas dan sangat penting. Para korban bencana itu harus dilibatkan seawal mungkin dan secara seimbang selari dengan rencana penempatan semula.                                   |
| <b>Pemulihan Korban Rusuhan</b>        | Kehidupan para korban bencana selama di tempat penempatan sementara dan di tempat penempatan semula berada dalam keadaan tidak normal akibat terputusnya mata pencarian. Dalam hal ini, pemerintah dan pemberi sumbangan lain mungkin boleh memberikan bantuan dana untuk melakukan kegiatan ekonomi baik secara individu mahupun seacara berkumpulan yang dipandu oleh tenaga profesional.                |
| <b>Penyatuan Semula</b>                | Tugas pemerintah pusat-daerah-untuk melakukan penyatuan semula memerlukan pelbagai pendekatan seperti sosiobudaya, hak asasi manusia dan undang-undang terhadap pemimpin masyarakat, golongan agama dan pemimpin adat yang berpengaruh terhadap setiap pihak untuk menghasilkan resolusi damai sebagai usaha penyelesaian status korban.   |

**Sumber:** Laporan Kajian Penguatan Kelembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia, Kantor Kementerian Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan Republik Indonesia (2005).

### **Penanganan Bencana Konflik**

Penanganan bencana konflik berdasarkan kepada tiga sistem di mana ia saling berkait antara satu sama lain yang dapat memberikan kekuatan, makna dan perubahan yang bermakna terhadap hasilnya yang diperoleh melalui kerjasama semua pihak yang terlibat.

**Jadual 2: Penanganan Bencana Konflik**

|                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| <b>Sistem pelaksana perubahan</b>   | Terdiri daripada pihak yang memiliki tanggung jawab utama dalam memberikan layanan terhadap korban bencana. Mereka bertanggung jawab mengambil inisiatif untuk menggambarkan senario penanganan ataupun layanan terhadap korban bencana. Pihak-pihak yang seharusnya menjadi anggota sistem pelaksana perubahan di antaranya Pejabat Kesihatan, Sosial, Kementerian Permukiman dan Prasarana Wilayah, Palang Merah Indonesia (PMI), Kepolisian dan kaki tangan keselamatan serta pekerja-pekerja sosial. |
| <b>Sistem Sasaran</b>               | Terdiri daripada korban bencana yang berpindah, masyarakat lokal sekitar tempat perpindahan dengan tokoh-tokohnya, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang relevan, organisasi-organisasi lokal, para pemberi dana dan lain-lain. Sistem ini perlu diberikan motivasi agar terlibat dan merasa mempunyai dalam semua kegiatan penanganan bencana.   |
| <b>Sistem Pendukung Pelaksanaan</b> | Semua pihak atau hal-hal yang sangat diperlukan untuk kelancaran pelaksanaan penanganan/layanan bagi korban bencana. Sistem pendukung boleh terdiri daripada kaki tangan keamanan, sukarelawan baik yang berasal dari masyarakat lokal maupun luar, sumber-sumber semula jadi seperti sungai untuk kemudahan mandi orang awam, bangunan-bangunan yang dapat digunakan untuk korban, dapur umum, kemudahan air bersih dan lain-lain.  |

**Sumber:** Tumanggor, Rusmin, Jaenal Aripin & Imam Soeyoeti (2004); Bappeda Provinsi Kalimantan Barat (2004); Laporan Kajian Pengaruh Kelembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia, Kantor Kementerian Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan Republik Indonesia (2005). Dinas Sosial Kabupaten Sambas (2004).

### **Metode dan Teknik Penanganan Korban Konflik**

Metode dan teknik penanganan korban konflik adalah panduan yang sistematik untuk melakukan tindakan. Dalam *social engineering*, model-model yang relevan dan sering digunakan dalam penanganan konflik, antaranya, pertama, *model krisis* (panduan untuk menyampaikan informasi bagi menenangkan korban dan mengurangkan perasaan ketidakpastian), kedua, *berpusatkan kepada tugas* (panduan yang berorientasi pada pelaksanaan tugas-tugas untuk mencapai tujuan-tujuan yang telah ditetapkan), dan ketiga, *pemulihan* (panduan untuk membantu korban konflik untuk memperoleh kembali daya/kekuatan yang musnah kerana konflik).<sup>6</sup> Pendekatan yang relevan dengan masalah penempatan akibat konflik adalah *pendekatan agihan sosial* (penyediaan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan oleh

para korban bencana di lokasi penempatan semula), seperti, bahan makanan, penempatan, layanan kesihatan dan keperluan asas (tempat mandi awam) dan lain-lain.<sup>7</sup> Pendekatan sistem (digunakan untuk mengelola perkhidmatan berasaskan keluarga dengan korban diusahakan dapat bersatu dengan anggota keluarganya.<sup>8</sup> Kesatuan keluarga di antara korban yang tinggal di petempatan semula akan menguatkan mental agar dapat bertahan dalam keadaan yang sukar; serta akan mengukuhkan kekuatan mereka untuk mencari penyelesaian bersama. Penyelesaian bersama adalah lebih efektif untuk keluar dari keadaan kesukaran kerana kebersamaan adalah merupakan satu kekuatan), dan pendekatan tingkah laku (penanganan kelakuan yang bermasalah akibat situasi yang sangat menekan – kerana situasi konflik). Pendekatan ini berasaskan kepada budaya korban.<sup>9</sup>

Metode dan teknik penanganan bencana yang digunakan di Kabupaten Sambas, prosesnya terdiri dari tahap-tahap pengambilan, penilaian, penyusunan rencana campur tangan, pelaksanaan campur tangan, penilaian dan penyeliaan. Alat yang digunakan dalam penanganan korban konflik ini antaranya: a) alat-alat untuk rakaman, seperti pita rakaman, kamera video, kamera foto, b) kabinet fail untuk menyimpan catatan kes-kes c) alat-alat permainan untuk anak-anak, seperti bola, belon, alat permainan untuk pendidikan, puzzle, dan lain-lain; d) makanan khusus untuk anak-anak; dan e) ruang kaunseling. Terdapat pelbagai petunjuk yang dijadikan penilaian keberhasilan perkhidmatan antaranya:

- (a) Keperluan makanan berkhasiat bagi korban bencana dipenuhi.
- (b) Sistem pendukung tersedia; kemudahan tempat mandi untuk orang awam, air bersih, khemah (untuk mangsa, ruang kesihatan dan kaunseling) dan dapur umum.
- (c) Masalah-masalah sosial-ekonomi diatasi.
- (d) Anak-anak berkumpul dengan keluarganya.
- (e) Ada penyertaan dari korban bencana dan masyarakat lokal.
- (f) Perkhidmatan yang berterusan dapat dijaga dan berjalan lancar.
- (g) Persekitaran penempatan aman tidak terjadi jenayah, kekerasan dan lain-lain.
- (h) Korban dapat kembali ke rumahnya atau mendapat penempatan lain untuk meneruskan kehidupan secara normal selepas bencana.<sup>10</sup>

## Pencegahan dan Penambahbaikan Penanganan

### **Pencegahan Korban Konflik**

Pencegahan korban Konflik adalah proses mencegah terjadinya konflik dan agar ia tidak berulang. Pencegahan ini merupakan tindakan-tindakan untuk memberhentikan perkara-perkara yang menyebabkan terjadinya konflik yang merosakkan kehidupan masyarakat. Pencegahan ini antaranya adalah mengehadkan atau melenyapkan faktor penyebab konflik di wilayah setempat, terjadi di wilayah setempat, menghindari konflik berulang dan mencegah perkara-perkara yang boleh membawa kepada terjadinya konflik. Secara sistematik ia boleh dilihat dalam jadual 3.

### Jadual 3: Pencegahan Konflik

| Kategori Pencegahan  | Usaha Sebenar   |
|--|---|
| <b>Melenyapkan faktor penyebab konflik di sesebuah wilayah</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Ø Menanamkan ideologi nasionalisme sebagai bangsa yang sama dan negara yang sama.</li> <li>Ø Pembauran secara semula jadi dan sistematik dalam budaya yang sama.</li> <li>Ø Pembauran agama dan kekeluargaan dalam bentuk perkahwinan campur.</li> </ul>   |
| <b>Mengehadkan faktor-faktor bencana</b>                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Ø Melakukan penerangan sosial terhadap pendatang.</li> <li>Ø Membuat peraturan yang jelas secara adil dalam menguasai sektor-sektor tertentu, misalnya, ekonomi dan politik.</li> <li>Ø Menguatkuasakan peraturan yang sama dalam menegakkan undang-undang.</li> <li>Ø Akulturasikan budaya secara bermuafakat berdasarkan peraturan yang menyatukan pihak yang terlibat.</li> <li>Ø Mempererat silaturahim di antara tokoh masyarakat dan anggota masyarakat.</li> <li>Ø Mencipta kegiatan-kegiatan bersama yang disebarluaskan dalam media.</li> </ul> |
| <b>Menghindari konflik berulang</b>                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Ø Mengkaji kembali latar belakang permasalahan konflik untuk dijadikan panduan dalam penyatuan.</li> <li>Ø Menghindari kegiatan-kegiatan yang dapat mendorong kembali konflik.</li> <li>Ø Menyebarluaskan pelbagai kegiatan bernuansakan perdamaian di antara kedua pihak.</li> <li>Ø Mengawal penyebaran peristiwa atau kejadian konflik yang melibatkan pihak-pihak yang pernah bertikai.</li> <li>Ø Menegakkan undang-undang dengan adil dan telus.</li> </ul>  |
| <b>Mencegah faktor penyebab konflik</b>                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Ø Menempatkan warga mengikut etnik, agama, ideologi dan sebagainya.</li> <li>Ø Mengawal komunikasi langsung antara suku yang terlibat.</li> <li>Ø Meningkatkan pengawasan pihak kerajaan.</li> <li>Ø Menegakkan undang-undang secepat yang mungkin.</li> </ul>   |

**Sumber:** Tumanggor, Rusmin, Jaenal Aripin, & Imam Soeyoeti (2004); Bappeda Provinsi Kalimantan Barat (2004); Dinas Sosial Kabupaten Sambas (2004); Laporan Kajian Penguatan Kelembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia (2005).

### Penambahbaikan Dalam Pencegahan

#### Organisasi Pelaksana

Dalam mencegah konflik perlu diwujudkan suatu sistem atau organisasi pelaksana sebagai usaha untuk menambahbaikkan sistem pencegahan konflik. Usaha ini terdiri daripada Kerajaan Pusat dan Institusi Pusat yang terlibat Departemen Sosial, Departemen Kesihatan, Badan Koordinasi Nasional dan sebagainya. Manakala di

peringkat provinsi dan kabupaten kota terdiri daripada institusi pentadbir daerah yang terlibat seperti Gabenor, Bupati/Walikota, Ikatan Koordinasi Pelaksana, Ikatan pelaksana dan sebagainya. Selain itu, organisasi sosial kemasyarakatan, dunia usaha, perguruan tinggi dan lembaga-lembaga nasional & internasional harus ikut serta dalam penanganan konflik.

Dalam mewujudkan kegiatan utama dalam pencegahan semestinya melakukan penerangan sosial untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bencana konflik serta bagaimana usaha untuk mengatasinya. Kegiatan ini diharapkan mewujudkan perubahan tingkah laku masyarakat dengan kempen tentang bencana akibat konflik, mengusahakan kesedaran serta mendorong penyertaan dalam setiap permasalahan bencana konflik dan sekali gus memantapkan ketahanan sosial masyarakat dengan memperkuatkan organisasi ataupun kelompok yang ada di tengah masyarakat. Sasaran dan pendukung pelaksana dalam pencegahan ini terdiri daripada individu, keluarga, organisasi masyarakat di daerah yang mudah berlakunya konflik, sumber semula jadi dan potensi wilayah berkenaan, lembaga lain yang tidak terlibat dengan konflik serta keprihatinan masyarakat terhadap masalah konflik.<sup>11</sup>

### ***Teknik Perkhidmatan dalam Pencegahan***

Model yang digunakan untuk mencegah konflik antaranya adalah pembangunan lokal (locality development), perancangan sosial (social planning) dan tindakan sosial (social action) dengan pendekatan bekerja mengikut kes (casework), kerja dalam kumpulan (groupwork), pertubuhan masyarakat (community organization) dan pembangunan masyarakat (community development). Berdasarkan model dan pendekatan tersebut, teknik yang digunakan antaranya adalah penerangan, perencanaan sosial, penyelidikan, nasihat dan rakaman. Strategi yang digunakan berdasarkan individu, keluarga dan masyarakat. Proses yang dilakukan pada setiap tahap dilengkapi dengan kegiatan yang berstruktur dan berencana. Ia dilengkapkan dengan melakukan diskusi, wawancara dan bimbingan dengan penilaian, motivasi dan tindakan lanjutan. Ukuran Keberkesanan perkhidmatan dalam mencegah berulangnya konflik antaranya lenyapnya faktor penyebab konflik; terhadnya faktor yang menimbulkan bencana; tidak berulangnya konflik; tercegahnya konflik dan bersedianya masyarakat untuk menghadapi konflik yang berulang.

### ***Program Lanjutan Pasca Penanganan Korban konflik***

Program pasca-penanganan korban bencana konflik merupakan kegiatan penambahbaikan iaitu memulihkan korban bencana setelah mereka ditempatkan semula, sama ada yang kembali ke tempat asal bercampur dengan masyarakat lokal atau ditempatkan di lokasi lain. Program ini bertujuan untuk meningkatkan keadaan ekonomi, integrasi, solider serta toleransi sosial antara korban bencana dengan masyarakat lokal.

### ***Organisasi Pelaksana***

Dalam program lanjutan pasca penanganan korban bencana konflik, organisasi pelaksana perlu melibatkan beberapa institusi seperti Pejabat Kesejahteraan Sosial

sama ada kota/kabupaten atau pejabat lain yang bertugas dalam kesejahteraan sosial; Forum Warga dan Perlindungan Masyarakat kota/kabupaten atau badan lain yang bertugas melindungi masyarakat; Pertubuhan Bukan Kerajaan sama ada lokal atau daerah/rantau; kesatuan warga iaitu wadah masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan warga masyarakat; dan institusi lain yang bertanggungjawab dalam menangani korban bencana di peringkat kota/kabupaten.

Sistem pelaksanaan program ini mengutamakan masyarakat melalui "Forum Warga" yang berfungsi untuk melakukan pertemuan secara berkala, menyusun program dan tindakan bersama, mempertahankan kejayaan yang telah dicapai, melakukan pemantauan dan penilaian kegiatan yang berlangsung dan menyempurnakan kegiatan.<sup>12</sup> Selain itu, pihak lain yang terlibat seperti institusi yang disebut di atas hanya berfungsi sebagai fasilitator. Dalam melaksanakan kegiatan utama dalam pencegahan beberapa masalah harus dikenal pasti seperti para korban bencana rusuhan dan masyarakat lokal yang terdiri daripada tokoh masyarakat, ketua keluarga, suri rumah dan para pemuda. Forum Warga akan digunakan sebagai wadah kepada tenaga fasilitator yang terdiri daripada beberapa institusi untuk melaksanakan kegiatan. Kegiatannya berupa bengkel yang berkaitan dengan dana dan kemudahan sesuai dengan kegiatan yang akan dilaksanakan oleh masyarakat melalui forum tersebut. Forum ini juga menyelia kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh masyarakat.

### ***Teknik Program Lanjutan Penanganan Korban Konflik***

#### ***Pemetaan Sosial***

Objektif kegiatan ini adalah menyediakan informasi tentang masalah dan keperluan masyarakat korban bencana yang mengandungi nilai-nilai budaya dan institusi lokal serta organisasi-organisasi lain yang ada di wilayah tempat tinggal mereka. Penggunaan teknik *Pemetaan sosial* ini bertujuan untuk menganalisis masalah dan potensi yang dimiliki oleh masyarakat. Pemetaan sosial ini memerlukan tiga langkah utama iaitu; pertama, pendefinisian konsep iaitu usaha untuk menyamakan persepsi tentang masalah, keperluan dan potensi yang perlu dilakukan melalui diskusi kumpulan sasaran. Kedua, mengenal pasti masalah yang bertujuan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat dalam mengenal pasti keadaan dan masalah sosial persekitaran mereka dan usaha-usaha yang telah dilakukan serta hambatan-hambatan yang dihadapinya. Ketiga, mengenal pasti potensi. Ketiga, mengenal pasti potensi yang bertujuan memberi kemudahan kepada masyarakat untuk mengenal pasti potensi yang dimiliki yang boleh menjadi bahan untuk menyusun program pemecahan masalah.

Potensi-potensi yang mungkin dapat diketahui antaranya; pertama, pengetahuan masyarakat tentang alam dan semula jadi dan spiritual yang dapat meningkatkan kesedaran mereka terhadap kekayaan yang dimiliki. Kedua, memahami keterampilan yang dimiliki masyarakat agar masalah boleh diatasi sesuai dengan tingkat kemampuannya. Ketiga, mengenali adat istiadat, nilai-nilai kebiasaan yang diamalkan oleh masyarakat yang dapat dijadikan sumber kekuatan bagi pemecahan masalah. Keempat, mengenal pasti bagaimana masyarakat melakukan diskusi, pertemuan, mengambil keputusan dan melaksanakan kegiatan-kegiatan yang dipersetujui bersama. Kelima, mengenal pasti sumber-sumber kekuatan yang dapat menyatukan masyarakat seperti pemimpin yang mempunyai

karisma dan tempat-tempat yang mempunyai keramat. Keenam, mengenal pasti pelbagai institusi lokal di persekitaran mereka seperti golongan pemuda, kerabat, arisan (gotong-royong), pengajian dan sebagainya.

### **Menyusun Program Tindakan Secara Penyertaan**

Menyusun program tindakan secara penyertaan merupakan teknik yang efektif untuk menggerakkan kelompok dalam melakukan tindakan yang sebenar berasaskan kepada tugas dan tanggungjawab yang boleh dihuraikan secara terperinci dalam jangka masa yang tertentu. Pelaksanaan kegiatan program tindakan ini mempunyai tujuh tahap seperti yang dijelaskan dalam jadual 4 di bawah:

**Jadual 4: Tahap Kegiatan Program Tindakan Secara Penyertaan**

|                                |  |
|--------------------------------|--|
| <b>Tahap Hubungan</b>          | <ul style="list-style-type: none"><li>Menjelaskan aktiviti yang akan direncanakan.</li><li>Menjelaskan proses yang akan dilakukan dan hasil yang dijangka</li><li>Menjelaskan jangka waktu untuk aktiviti yang akan dijalankan</li><li>Menarik penyertaan peserta</li></ul>  |
| <b>Tahap Pusingan kejayaan</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>Menanyakan pada kelompok tentang keadaan yang ingin dicapai ketika aktiviti selesai serta apa yang ingin dirasai, dilihat atau didengar dari orang lain ketika aktiviti selesai</li><li>Membuat daftar respons yang didapat dari diskusi. Ini dipanggil PUSINGAN KEJAYAAN</li></ul>  |
| <b>Tahap Keadaan Tujuan</b>    | <ul style="list-style-type: none"><li>Bertanya kepada kelompok tentang kekuatan dan kelemahan kelompok pada waktu itu serta kemungkinan keuntungan dan kerugian yang akan dialami akibat dari program ang akan dijalankan</li><li>Membuat daftar respons yang didapat dari diskusi yang dipanggil sebagai KEADAAN TUJUAN.</li></ul>  |
| <b>Tahap Bengkel</b>           | <ul style="list-style-type: none"><li>Melakukan bengkel untuk mengenal pasti agenda tindakan (seperti metode bengkel yang dilakukan sebelumnya).</li><li>Membentuk beberapa kelompok kecil berdasarkan kepada agenda tindakan yang diperoleh.</li><li>Meminta setiap kelompok kecil melakukan penilaian ke atas idea-idea yang dihasilkan oleh bengkel.</li><li>Meminta setiap kelompok kecil untuk memperbaiki atau memilih idea-idea kegiatan tersebut sehingga setiap idea tersebut adalah rasional untuk dikerjakan.</li><li>Meminta kelompok kecil menyusun program tindakan berdasarkan idea-idea kegiatan menjadi program kegiatan yang tersusun secara logik dan kronologi.</li><li>Meminta kelompok kecil mengklasifikasikan program tindakan tersebut dalam beberapa kategori iaitu, agenda tindakan, aktiviti pada sesuatu jangka masa, mewujudkan petunjuk kejayaan.</li><li>Hasil dari kerja kelompok kecil adalah merupakan perincian tugas.</li></ul> |

|  |  |
|--|--|
| <b>Tahap Penjadualan dan Penugasan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat jadual kegiatan.</li> <li>Meminta peserta menyusun kad-kad idea tersebut dalam jadual kegiatan.</li> <li>Meminta seorang wakil dari setiap kelompok kecil menjelaskan setiap kegiatan yang dibuat.</li> <li>Meminta forum untuk menilai secara kritis: kegiatan apa yang diperlukan tetapi belum dibahas, tambahkan kegiatan yang diperlukan tersebut pada jadual.</li> </ul> |
| <b>Tahap Refleksi</b>                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanya kepada seluruh peserta apakah ada yang masih perlu disempurnakan dari hasil yang dicapai.</li> <li>Menegakkan komitmen yang telah disepakati oleh peserta.</li> </ul>  |

**Sumber:** Tumanggor, Rusmin, Jaenal Aripin, & Imam Soeyoeti (2004); Bappeda Provinsi Kalimantan Barat (2004); Dinas Sosial Kabupaten Sambas (2004); Laporan Kajian Penguatan Kelembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia (2005).

Kegiatan di atas bertujuan untuk mendorong masyarakat memberikan sumbangan idea serta penyertaan dalam merumuskan perancangan yang jelas, memberikan kemudahan kepada masyarakat untuk mengenal pasti pelbagai tugas anggota masyarakat yang terperinci dalam rencana kerja, memberi kemudahan kepada masyarakat agar dapat menyusun dan bersepakat dalam pembahagian tugas masing-masing dengan penuh kesedaran, membantu masyarakat menentukan idea dan sumber potensi yang boleh digerakkan untuk membantu kegiatan dalam perencanaan dan meningkatkan kesedaran masyarakat dalam menuju kesepakatan bersama.<sup>13</sup>

### **Masalah dalam Penanganan Konflik**

Masalah yang dihadapi dalam penanganan konflik di Kabupaten Sambas melalui pelbagai kegiatan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan sama ada di pentadbiran pusat maupun daerah memiliki sifat-sifat tertentu iaitu sosialisasi perjanjian damai dan pendedahan terhadap keamanan, penambahbaikan keadaan sosial ekonomi rakyat dan keterbatasan anggaran dan tenaga profesional.

#### ***Sosialisasi Perjanjian Damai dan Pendedahan Terhadap Keamanan***

Dalam usaha untuk mempertahankan hasil perjanjian damai di Sambas yang telah ditandatangani oleh tokoh-tokoh masyarakat dari kedua belah pihak yang bertikai, selalu mengalami kegagalan, kerana rusuhan masih terjadi. Ini disebabkan terbatasnya jumlah kakitangan yang berperanan dalam sosialisasi perjanjian damai serta kurangnya tenaga keamanan untuk menjaga pelaksanaan perjanjian damai tersebut. Halangan di bidang keamanan adalah terdapatnya sebahagian warga masyarakat yang menyembunyikan senjata buatan sendiri yang membolehkan mereka bertindak melakukan kejahanatan. Terdedahnya mereka kepada bidang keamanan disebabkan masih adanya perasaan permusuhan antara kelompok yang berkonflik. Selain daripada kurangnya jumlah kakitangan keamanan berbanding dengan keluasan wilayah konflik menjadi halangan tersendiri dalam usaha pemulihan keamanan. Masalah ini yang menjadikan wujudnya pihak-pihak

tertentu yang menjadi provokatif yang menginginkan konflik tersebut berterusan. Selain daripada itu, sifat suku Melayu yang kurang menerima sistem perwakilan, menjadikan kesepakatan perdamaian tidak diterima oleh mereka. Suku Melayu memiliki sifat bahawa pelbagai kesepakatan damai harus melibatkan semua anggota masyarakat. Hal ini dapat dibuktikan dengan dokumen kesepakatan yang tebal yang ditandatangani oleh semua anggota masyarakat Melayu di Sambas.<sup>14</sup>

### ***Penambahbaikan Keadaan Sosial Ekonomi Rakyat***

Keadaan politik dan keamanan lokal yang belum pulih mengakibatkan keadaan sosial ekonomi rakyat semakin buruk seperti aset ekonomi berupa tanah pertanian terbiar di wilayah konflik. Halangan dalam mengatasi masalah sosial adalah kuatnya prasangka dan sentimen daripada satu pihak kepada yang lain. Pada masa yang sama kemampuan pentadbir daerah setempat sangat terhad untuk mengatasi masalah sosial dan mendanai penambahbaikan pelbagai sarana ekonomi rakyat dan kemudahan umum lainnya. Begitu juga dana pemulihan bagi korban rusuhan hanya tersedia untuk beberapa masa yang tertentu.

### ***Keterbatasan Anggaran dan Tenaga Profesional***

Terhadnya anggaran kerajaan untuk membangunkan kembali pelbagai kemudahan umum terutamanya pendidikan merupakan halangan yang dialami oleh daerah konflik di Kabupaten Sambas ini. Selain daripada terhadnya kemampuan ibu bapa untuk menyekolahkan anaknya akibat rusuhan ramai guru-guru atau pengajar yang enggan untuk kembali mengajar di daerah konflik kerana khawatir rusuhan akan kembali terjadi. Kekurangan tenaga perubatan untuk ditempatkan di wilayah konflik mahupun memberikan perkhidmatan kesihatan di penempatan semula dan terhadnya anggaran untuk mengatasi masalah kesihatan menjadi halangan yang sukar diatasi dalam usaha penanganan kesihatan bagi korban rusuhan. Daerah-daerah konflik juga pada umumnya kekurangan tenaga ahli untuk melakukan penyembuhan mental bagi warga masyarakat yang mengalami trauma akibat rusuhan itu.

### ***Kesimpulan***

Konflik di Sambas, Kalimantan Barat Indonesia merupakan rusuhan antara masyarakat yang bersifat horizontal. Rusuhan ini menimbulkan pelbagai masalah seperti politik, keamanan, sosial, ekonomi dan psikologi bagi pihak-pihak yang bertikai khususnya keluarga dan kanak-kanak. Bagi mereka yang kehilangan anggota keluarganya rusuhan ini juga telah menimbulkan masalah mental (*post traumatic stress disorder*). Konflik akibat rusuhan horizontal ini telah mengakibatkan perpecahan terhadap kelompok-kelompok masyarakat yang bertikai. Konflik suku Madura-Melayu ini masih meninggalkan kesan dendam tetapi berpotensi untuk berbaik semula. Dendam digambarkan bahawa suku Madura belum diterima untuk kembali ke Sambas sehingga usaha penyatuan selalu menghadapi kegagalan. Peluang untuk berbaik semula sebenarnya amat besar kerana hubungan mereka sangat dekat dalam kehidupan sehari-hari yang berjiran dan berlakunya perkahwinan campur di antara mereka. Pola penanganan konflik sebahagian besar telah dapat dilaksanakan dengan baik walaupun baru pada peringkat awal. Ini dibuktikan

dengan hilangnya konflik walaupun ia hanya bersifat sementara. Walau bagaimanapun korban rusuhan mengharapkan kepada pihak kerajaan agar memberi jaminan keamanan dan tercapainya penyatuan dan penyediaan kemudahan awam di penempatan semula. Perlu disedari bahawa bagi masyarakat lokal agar tidak mudah terpengaruh dengan provokasi terhadap korban rusuhan sehingga tidak timbul kembali konflik yang membawa kepada bencana. Manakala bagi masyarakat di luar lokasi diharapkan agar dapat memberi bantuan kepada korban bencana.

Usaha untuk mengubah keadaan memerlukan agen perubahan yang profesional seperti *community development worker* yang bekerja dengan institusi-institusi kerajaan dan masyarakat. Mereka boleh membentuk sebuah pasukan yang bekerja secara bersama dengan melakukan pelbagai aktiviti yang berperingkat dari perencanaan, pelaksanaan dan penilaian yang berhubung kait dengan pelbagai dimensi kehidupan masyarakat iaitu sosial, ekonomi, psikologi dan budaya. Pengukuhan kekeluargaan dalam pelbagai aspek kehidupan yang merangkumi aspek sosial, ekonomi, psikologi dan budaya perlu dilakukan sehingga mereka dapat memiliki ketahanan dalam aspek-aspek tersebut. Pengukuhan ini pada suatu saat boleh mewujudkan ketahanan dalam masyarakat seperti pemupukan nilai kepercayaan dalam masyarakat dan mewartakan kegiatan bersama antara suku Madura dan Melayu dalam pelbagai program pembangunan dalam suasana kekeluargaan yang aman damai yang boleh dibuat liputan dalam media cetak dan elektronik. Oleh yang demikian diharapkan dengan adanya usaha menghidupkan kembali sifat karismatik yang dapat dijadikan panduan bagi kedua-dua suku seperti penobatan Sultan Sambas agar ia boleh menyatukan kembali suku yang bertikai dengan cara menyambungkan tali silaturahim dan tidak dalam pendekatan formal yang dicipta oleh pihak kerajaan. Penyelesaian masalah penempatan sementara baik melalui penempatan semula maupun penyatuan memerlukan penyelesaian masalah-masalah lain seperti kegiatan-kegiatan ekonomi iaitu menghidupkan kembali pasar dan kedai-kedai serta menambah baik kemudahan pendidikan, kesihatan dan pembangunan kembali pengurusan kota serta lain-lain. Usaha yang bersistematik untuk meningkatkan kesedaran berbangsa dan bernegara perlu sentiasa dilakukan melalui pelbagai kegiatan yang melibatkan pelbagai sektor.

Secara keseluruhannya, menangani konflik adalah tidak mudah. Ia memerlukan pemahaman terhadap falsafah, paradigma, pendekatan yang sesuai dengan keperluan dan keadaan masyarakat. Kajian yang mendalam yang bermula dari peringkat falsafah dan prinsip-prinsip kerja dan pendekatan ilmiah sehingga peringkat penggunaan teknik yang sesuai dengan keperluan di tingkat tindakan perlu dikuasai. Dengan demikian ia akan memberi kesan dalam memulihkan masyarakat untuk bersatu dan hidup harmoni bersama institusi-institusi pentadbiran kerajaan di daerah yang terlibat.

## **Nota hujung**

<sup>1</sup> Taufiq A. Tuhana, *Konflik Maluku* (Yogyakarta : Gama Global Media, 2000).

<sup>2</sup> Tumanggor, Rusmin, Jaenal Aripin, & Imam Soeyoeti, *Konflik dan Modal Kedamaian Sosial dalam Konsepsi Kalangan Masyarakat di tanah Air*, (Jakarta: LEMLIT dan LPM UIN Syarif Hidayatullah bekerja sama dengan BALATBANGSOS Depsos RI., 2004).

<sup>3</sup> Ratna Megawangi, *Membiarakan Berbeda* (Bandung : Mizan, 1999).

<sup>4</sup> Tumanggor, Rusmin, Jaenal Aripin, & Imam Soeyoeti. *Konflik dan Modal Kedamaian Sosial dalam Konsepsi Kalangan Masyarakat di tanah Air*. Secara empirik, lihat - Laporan Kajian Kerusuhan Sosial Di Indonesia (Studi Kasus di Propinsi Kalimantan Barat, Maluku, Nusa Tenggara barat, dan Sulawesi Tengah), Pusat Kajian Pengungsi, Sekolah tinggi Kesejahteraan Sosial (STKS) Bandung, 2002.

<sup>5</sup> Taufiq A. Tuhana, *Konflik Maluku* (Yogyakarta : Gama Global Media, 2000); lihat juga, Tumanggor, Rusmin, Jaenal Aripin, & Imam Soeyoeti. *Konflik dan Modal Kedamaian Sosial dalam Konsepsi Kalangan Masyarakat di tanah Air*. Laporan Kajian Penguatan Kelembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia, Kantor Kementerian Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan Republik Indonesia (2005).

<sup>6</sup> Model krisis ini berazaskan pendekatan Social work yang diimplementasikan dalam sistem penanganan konflik atau bencana. Lihat, Ma'arif Jaimun, *Manual Advokasi Resolusi Konflik: antara etnik dan agama* (Kartasura Solo : Ciscore,1999); Laporan Kajian Kerusuhan Sosial di Indonesia (Studi Kasus di Propinsi Kalimantan Barat, Maluku, Nusa Tenggara barat, dan Sulawesi Tengah). Laporan Kajian Penguatan Kelembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia, Kantor Kementerian Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan Republik Indonesia, 2005.

<sup>6</sup> Giddens Anthony, David Held, *Perdebatan Klasik dan Kontemporer Mengenai Kelompok, Kekuasaan, Kelompok, dan Konflik: Teori Sosial Kontemporer* (Jakarta : CV Rajawali, 1982)

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Laporan Kajian Kerusuhan Sosial Di Indonesia (Studi Kasus di Propinsi Kalimantan Barat, Maluku, Nusa Tenggara barat, dan Sulawesi Tengah), Pusat Kajian Pengungsi, Sekolah tinggi Kesejahteraan Sosial (STKS) Bandung, 2002;

<sup>9</sup> Ibid.

<sup>10</sup> Ibid. Tadjoeddin, Muhammad Zulfan, *Anatomy of Social Violence In The Context of Transition* (Jakarta : UNSFIR, 2002);

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Laporan Kajian Kerusuhan Sosial Di Indonesia (Studi Kasus di Propinsi Kalimantan Barat, Maluku, Nusa Tenggara barat, dan Sulawesi Tengah), Laporan Kajian Penguatan Kelembagaan Masyarakat Dalam Penanganan Kawasan Berpotensi Konflik di Indonesia, Kantor Kementerian Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan Republik Indonesia 2005.

<sup>13</sup> Perjanjian ini, substansinya tersebar dalam pelbagai laporan kajian, lihat: Musa, Pabali H.. *Sejarah Kesultanan Sambas Kalimantan Barat: Kajian Naskah Raja-Raja dan Silsilah Raja Sambas* (Pontianak: STAIN Pontianak Press,2003); Bappeda Provinsi Kalimantan Barat, "Gambaran Umum Penanganan Pengungsi di Kalimantan Barat," Pontianak, 2004; Dinas Sosial Kabupaten Sambas, "Laporan Penanggulangan Pasca-Konflik Sambas," Sambas, 2004; Dinas Pendidikan Kabupaten Sambas, "Laporan Penanggulangan Pasca-Konflik Sambas," Sambas, 2004; Kantor Wilayah Departemen Sosial Provinsi Kalimantan Barat. "Laporan Penanggulangan Korban Kerusuhan Sosial Kabupaten Sambas." Pontianak, 1999; Laporan Kajian Kerusuhan Sosial Di Indonesia (Studi Kasus di Propinsi Kalimantan Barat, Maluku, Nusa Tenggara barat, dan Sulawesi Tengah.